

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 20 MEI 2015**

**SOALAN :**

**YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta  
MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) jumlah dana yang digunakan Kementerian untuk melaksanakan langkah jangka pendek bagi menangani masalah kekurangan pakar perubatan dengan melantik tenaga pakar perubatan luar negara secara kontrak; dan
- (b) jumlah pakar perubatan luar mengikut negara-negara yang telah dilantik oleh Kerajaan dan bidang kepakaran yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Bagi menangani masalah kekurangan pakar perubatan di hospital, Kerajaan telah melantik tenaga pakar perubatan luar negara secara kontrak.

Pada masa ini, sejumlah 85 pakar perubatan luar negara berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia yang melibatkan perbelanjaan bayaran emolumen sebanyak RM10 juta setahun.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mac 2015 terdapat seramai 531 orang Pegawai Perubatan Pakar dan Bukan Pakar yang dilantik secara kontrak di kalangan warganegara dan bukan warganegara Malaysia untuk berkhidmat di fasiliti-fasiliti KKM di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 336 adalah merupakan bukan warganegara yang merangkumi 85 orang Pegawai Perubatan Pakar dan 251 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, 85 orang Pegawai Perubatan Pakar bukan warganegara yang dilantik secara kontrak ini adalah daripada 10 buah negara iaitu Bangladesh, Bhutan, India, Indonesia, Iraq, Mesir, Myanmar, Pakistan, Singapura dan Syria yang melibatkan 15 jenis bidang kepakaran.